



**MANUAL KUALITI
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Mukasurat : 1

MK.PBUiTM.PPK.01





**MANUAL KUALITI
MK.PBUiTM.PPK.01
ISO 9001:2015**

Keluaran 01 Pindaan 00

PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM**

LAMAN WEB: <https://myfinancial.uitm.edu.my/new/>

	Disediakan oleh	Diluluskan oleh
Nama	Norhafizah Che Mat	Dr Mohd Anuar Mazuki
Jawatan	Pegawai Rekod	Bendahari Universiti Teknologi MARA
Tandatangan		
Tarikh	01 JULAI 2018	01 JULAI 2018

Tarikh Kuatkuasa	No Salinan Kawalan:
01 JULAI 2018	00



KAWALAN DOKUMEN

Dokumen kualiti yang terkandung di dalam fail ini disediakan bagi memastikan pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Universiti Teknologi MARA (UiTM), memenuhi keperluan piawaian ISO 9001:2015.

Dokumen ini adalah TERKAWAL dan tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut:-

- a) Diberi nombor kawalan tertentu dan dikemas kini apabila terdapat pindaan.
- b) Dipinda mana-mana bahagian atau keseluruhannya oleh Wakil Pengurusan Pejabat Bendahari UiTM dengan kelulusan Bendahari UiTM atau seperti yang diputuskan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) Pejabat Bendahari UiTM.
- c) Naskhah asal Manual Kualiti akan ditandakan dengan perkataan **DOKUMEN INDUK**.
- d) Salinan-salinan Manual Kualiti selain daripada dokumen induk, dokumen yang dimuat turun dari web atau apa jua bentuk salinan pendua dianggap **SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**.
- e) Pengurusan dan staf Pejabat Bendahari UiTM bertanggungjawab untuk merujuk kepada dokumen tidak terkawal di portal rasmi Pejabat Bendahari UiTM di <https://myfinancial.uitm.edu.my/new/>.



REKOD PINDAAN

BIL	MUKASURAT/ PERENGGAN	RINGKASAN	KELULUSAN	
			TARIKH	TANDATANGAN



ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan kepada Manual Kualiti	7
1.1	Pendahuluan	7
1.2	Tujuan	7
1.3	Kandungan Manual	7
1.4	Penyediaan, Penguatkuasaan dan Pengedaran	8
1.5	Penyelarasan Pindaan	8
2.0	MAKLUMAT ORGANISASI	9
2.1	Sejarah dan latar belakang UiTM	9
2.2	Visi UiTM	11
2.3	Misi UiTM	11
2.4	Matlamat Pendidikan UiTM	11
2.5	Objektif UiTM	12
2.6	Struktur Organisasi UiTM	12
2.7	Fungsi UiTM	12
3.0	DEFINISI DAN SINGKATAN	13
4.0	KONTEKS ORGANISASI	13
4.1	Memahami Organisasi dan Konteksnya	13
4.2	Memahami Keperluan dan Jangkaan Pihak yang Berkepentingan	13
4.3	Skop Sistem Pengurusan Kualiti	14
4.4	Sistem Pengurusan Kualiti dan Proses-prosesnya	15
5.0	KEPIMPINAN	20
5.1	Kepimpinan dan Komitmen	20
5.1.1	Umum	20
5.1.2	Tumpuan Kepada Pelanggan	21
5.2	Dasar Kualiti	21
5.3	Peranan Organisasi, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa	22
6.0	PERANCANGAN	22
6.1	Tindakan yang Diambil Untuk Menangani Risiko dan Peluang	22
6.2	Objektif Kualiti dan Perancangan Untuk Mencapainya	23
6.3	Perancangan Perubahan	24



7.0	SOKONGAN	24
7.1	Penyediaan Sumber-Sumber	24
7.1.1	Umum	24
7.1.2	Sumber Manusia	24
7.1.3	Infrastruktur	25
7.1.4	Persekitaran Kerja	25
7.1.5	Pemantauan dan Pengukuran Sumber	25
7.1.6	Pengetahuan Organisasi	26
7.2	Kompetensi/Kecekapan	26
7.3	Kesedaran	27
7.4	Komunikasi Dalaman	27
7.5	Maklumat yang Didokumenkan	28
8.0	OPERASI	31
8.1	Perancangan Operasi dan Kawalan Bagi Penzahiran Produk	31
8.2	Keperluan Untuk Produk dan Perkhidmatan	32
8.2.1	Komunikasi dengan Pelanggan	32
8.2.2	Menentukan Keperluan yang Berkaitan dengan Produk dan Perkhidmatan	33
8.2.3	Samakan Keperluan yang Berkaitan dengan Produk dan Perkhidmatan	33
8.2.4	Perubahan Kepada keperluan Untuk Perkhidmatan	34
8.3	Reka Bentuk dan Pembangunan Produk	34
8.4	Kawalan Terhadap Proses Luaran yang Dibekalkan, Produk dan Perkhidmatan	34
8.4.1	Umum	34
8.4.2	Jenis dan Tahap Kawalan	35
8.4.3	Maklumat untuk Pembekal Luar	36
8.5	Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan	36
8.5.1	Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan	36
8.5.2	Identifikasi dan Kemudahkesanan	37
8.5.3	Harta Hak Milik Pelanggan atau Pembekal Luar	38
8.5.4	Pemeliharaan – Pengendalian dan Penyimpanan Dokumen	38
8.5.5	Aktiviti Selepas Penghantaran	38
8.5.6	Kawalan Perubahan	39
8.6	Pelepas Perkhidmatan	39
8.7	Kawalan Ketidapatuhan Output	39
9.0	PENILAIAN PRESTASI	40
9.1	Pemantauan dan Pengukuran	40
9.1.1	Umum	40
9.1.2	Kepuasan Hati Pelanggan	41
9.1.3	Analisis Data dan Penilaian	41
9.2	Audit Dalam	42



**MANUAL KUALITI
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Mukasurat : 6

MK.PBUiTM.PPK.01

9.3	Kaji Semula Pengurusan	42
9.3.1	Umum	42
9.3.2	Input Kaji Semula Pengurusan	43
9.3.3	Output Kaji Semula Pengurusan	43
10.0	PENAMBAHBAIKAN	44
10.1	Umum	44
10.2	Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan	44
10.3	Penambahbaikan Berterusan	46

Lampiran 1 – Senarai Definisi

Lampiran 2 – Senarai Singkatan

Lampiran 3 – Keperluan Pelanggan dan Jangkaan Pihak Berkepentingan



1.0 PENGENALAN KEPADA MANUAL KUALITI

1.1 Pendahuluan

Manual Kualiti ini adalah berdasarkan keperluan dokumentasi Seksyen 4.3, 4.4 dan 7.5.1 ISO 9001:2015. Manual ini mengandungi maklumat Organisasi, Dasar Kualiti, Objektif Kualiti dan maklumat berkaitan dengan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan untuk memandu Pejabat Bendahari UiTM ke arah memenuhi keperluan Standard ISO 9001:2015.

Manual Kualiti ini disokong oleh **45** Prosedur Kualiti yang terdiri daripada empat (4) Prosedur Pengurusan Wajib, empat (4) Prosedur Pengurusan Sokongan dan 37 Prosedur Operasi. Manual Kualiti ini juga disokong oleh satu (1) Daftar Pengurusan Risiko.

1.2 Tujuan

Manual Kualiti ini disediakan adalah bertujuan untuk:

- a) Menerangkan maklumat am mengenai Pejabat Bendahari Universiti Teknologi MARA (yang selepas ini dirujuk sebagai PBUiTM).
- b) Menjelaskan secara ringkas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 yang dilaksanakan dalam Pengurusan Kewangan Universiti.
- c) Menggariskan dasar dan prinsip kepastian kualiti bagi setiap aktiviti berkaitan dengan pengurusan kewangan Universiti yang dilaksanakan dalam memenuhi keperluan ISO 9001:2015; dan
- d) Menjelaskan mengenai batasan aplikasi dalam memenuhi keperluan ISO 9001:2015.

1.3 Kandungan Manual

Manual ini mengandungi sepuluh (10) bahagian yang meliputi perkara-perkara berikut:

- | | | |
|------------|---|--|
| Bahagian 1 | - | Pengenalan Kepada Manual Kualiti |
| Bahagian 2 | - | Maklumat Organisasi |
| Bahagian 3 | - | Definisi dan Singkatan |
| Bahagian 4 | - | Konteks Organisasi & Sistem Pengurusan Kualiti |
| Bahagian 5 | - | Kepimpinan |
| Bahagian 6 | - | Perancangan |
| Bahagian 7 | - | Sokongan |
| Bahagian 8 | - | Operasi |



- Bahagian 9 - Penilaian Prestasi
Bahagian 10 - Penambahbaikan

1.4 Penyediaan, Penguatkuasaan dan Penedaran

- a) Pegawai Rekod telah menyediakan kandungan Manual Kualiti ini melalui perbincangan dengan Wakil Pengurusan, Ketua Audit Dalaman dan Pemegang Proses.
- b) Pegawai Rekod bersama Wakil Pengurusan, Ketua Sistem Audit dan Pemegang Proses membuat penambahbaikan kandungan Manual Kualiti ini dan disahkan oleh Bendahari UiTM sebelum dilaksanakan.
- c) Wakil Pengurusan bersama Ketua Sistem Audit dan Pegawai Rekod adalah bertanggungjawab untuk memastikan Manual Kualiti ini dikemaskini bagi memberi gambaran pelaksanaan operasi yang terkini.
- d) Manual Kualiti hanya terpakai dan berkuatkuasa setelah diluluskan dan ditandatangani oleh Bendahari UiTM dan merupakan Dokumen Terkawal.
- e) Salinan-salinan Manual Kualiti selain daripada dokumen induk seperti dokumen yang dipaparkan di portal rasmi Pejabat Bendahari UiTM, dokumen yang dimuat turun dari web atau apa jua bentuk salinan pendua dianggap **SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**.

1.5 Penyelarasan Pindaan

Wakil Pengurusan bersama Ketua Sistem Audit dan Pegawai Rekod adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan pindaan ke atas manual ini seperti mana keperluan Seksyen 7.5.2 serta memberi gambaran pelaksanaan operasi yang terkini.

Mana-mana bahagian daripada dokumen ini tidak boleh dikeluarkan atau dipinda tanpa kebenaran pihak yang menyediakannya.



2.0 MAKLUMAT ORGANISASI

2.1 Sejarah dan Latar Belakang PBUiTM

PBUiTM merupakan nadi utama pengurusan kewangan bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA seperti mana yang termaktub di dalam Akta UiTM 173 (Pindaan 2000).

Pada peringkat awal penubuhan Institut Teknologi MARA, Pejabat Bendahari (pada ketika itu dipanggil Bahagian Kewangan), diwujudkan untuk mengendalikan urusan kewangan Institut iaitu urusan penerimaan bayaran yuran pengajian/sumbangan daripada pelajar, pembayaran elaun kepada pelajar, gaji dan tuntutan staf, pengurusan perolehan barang/perkhidmatan/kerja, pengurusan harta benda dan pengurusan akaun. Semua urusan dibuat secara *centralised*, berpusat di Pejabat Bendahari, Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Selaras dengan perkembangan UiTM, daripada Maktab RIDA dalam tahun 1956 kepada Institut Teknologi MARA dalam tahun 1967 dan seterusnya mendapat status Universiti pada 26 Ogos 1999, skop tugas Pejabat Bendahari turut diperluaskan.

Keadaan ini telah mewujudkan penubuhan Pejabat Bendahari di UiTM Cawangan serta penubuhan Unit Kewangan Zon di UiTM Induk.

PBUiTM Kampus diketuai oleh Timbalan Bendahari Kanan/Timbalan Bendahari / Penolong Bendahari Kanan/ Penolong Bendahari/ Penolong Akauntan, mengikut bilangan pelajar dan keperluan pengurusan.

Bidang tugas utama PBUiTM Kampus ialah mengendalikan urusan penerimaan hasil, kewangan pelajar, bajet, perolehan melalui Sebut Harga Rasmi dan Pembelian Terus, rekod harta benda, pembayaran dan akaun.

Pencapaian Pejabat Bendahari

Peringkat pengurusan atasan PBUiTM yang diketuai oleh Bendahari telah menggerakkan keseluruhan PBUiTM ke arah menjadikan kualiti menyeluruh sebagai budaya Pejabat Bendahari bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Justeru itu, perancangan strategik PBUiTM telah melaksanakan beberapa inisiatif perubahan selaras dengan perubahan semasa di peringkat Universiti dan juga di peringkat global. Antaranya ialah perubahan struktur Pejabat Bendahari.

Struktur Pejabat Bendahari diwujudkan berdasarkan keperluan perundangan, perkhidmatan, pembangunan dan pengurusan sumber, kawalan dan penilaian prestasi dan dibahagikan mengikut Fungsi Utama seperti berikut:

1. Pengurusan Perancangan dan Belanjawan
2. Pengurusan Gaji dan Kewangan Staf
3. Pengurusan Akaun dan Sistem Kewangan



4. Pengurusan Perolehan
5. Pengurusan Harta Benda
6. Pengurusan Akaun Amanah, Penyelidikan dan Perundingan
7. Pengurusan Kewangan Pembangunan dan Penyelenggaraan
8. Pengurusan Kewangan Pelajar
9. Pengurusan Kewangan Korporat
10. Pengurusan Kewangan Zon
11. Pengurusan Kewangan Cawangan
12. Pengurusan Dasar, Pentadbiran dan Kualiti

Penubuhan Unit Kewangan Zon

Perkembangan pesat pembangunan fizikal Universiti telah menjarakkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan PBUiTM, yang mana jarak ini telah sedikit sebanyak menjejaskan keberkesanan dan kecekapan PBUiTM dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Pertambahan bilangan pelajar dan staf di kampus induk memerlukan perkhidmatan setempat yang cepat, tepat dan sistematik. Bagi mengatasi masalah tersebut, dalam tahun 1992, Unit Kewangan Zon (UKZ) telah diwujudkan di Kampus Shah Alam bertujuan untuk memudahkan pengurusan kewangan PTJ dan memberikan perkhidmatan kewangan yang lebih baik kepada pelanggan.

Faktor asas bagi penubuhan sesuatu UKZ ialah mengikut bilangan pelajar, keperluan PTJ dan lokasi PTJ. Pejabat UKZ terletak di PTJ yang berkenaan atau di kawasan yang berdekatan. Tanggungjawab UKZ ialah untuk mengendalikan urusan kewangan PTJ iaitu pengurusan bajet, perolehan barang/perkhidmatan/kerja melalui pembelian terus, kawalan dan penjagaan rekod harta benda, penyelarasan urusan sub-stor PTJ, serta pembayaran kepada pelajar, staf dan pembekal yang berkaitan dengan PTJ di bawah pengawasan sesuatu UKZ. UKZ diketuai oleh Timbalan Bendahari Kanan/Timbalan Bendahari/ Penolong Bendahari Kanan/ Penolong Bendahari/ Penolong Akauntan, mengikut faktor asas penubuhan sesuatu UKZ.

Sistem Zon ini telah dijadikan *benchmark* oleh IPTA yang lain dan telah dilaksanakan dengan penyesuaian mengikut keperluan mereka, di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussien Onn. Sistem zon mengikut konsep Pejabat Bendahari telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti dan Polis Bantuan UiTM Shah Alam.



Penggunaan Sistem Kewangan Berkomputer

Mulai tahun 1994, PBUiTM telah menggunakan Sistem Kewangan Berkomputer FAIS (*Financial Accounting Integrated Sistem*), yang dibangunkan secara berperingkat di UiTM Shah Alam. FAIS juga telah berjaya dibangunkan di PBUiTM Kampus dan telah mencapai penggunaan 100% bagi keseluruhan sistem pengurusan kewangan UiTM pada tahun 2006.

FAIS memudahkan urusan pengumpulan data mengikut proses dan perkhidmatan. Data yang diperolehi telah digunakan untuk meningkatkan kualiti pengurusan kewangan Universiti.

Hasil pengumpulan data daripada FAIS serta daftar manual, sistem pengukuran *input* dan *ouput* proses mula dilaksanakan pada tahun 2000, secara berperingkat dengan menggunakan kaedah *Balanced Score Card Performance Indicators* yang diperkenalkan oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). Kaedah ini digunakan sebagai asas untuk mengenalpasti *Key Performance Indicators* (KPI) PBUiTM.

Berasaskan model pengurusan kewangan yang berteraskan kepada perancangan, pengukuran prestasi dan penambahbaikan berterusan, Universiti telah berjaya mendapat Laporan Audit Kewangan Bersih sembilan (10) tahun berturut-turut iaitu bagi tahun 2000 – 2009. Pencapaian ini amat membanggakan PBUiTM kerana ianya melambangkan kecekapan dan kualiti pengurusan kewangan Universiti secara menyeluruh.

2.2 Visi PBUiTM

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme Bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

2.3 Misi PBUiTM

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika professional.

2.4 Objektif Kualiti PBUiTM

- Mencapai pengurusan kewangan terbaik dengan mendapat Sijil Audit Bersih setiap tahun.
- Meningkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan dengan menepati Piagam Pelanggan dan peraturan yang ditetapkan.



- Menggalakkan budaya penambahbaikan berterusan oleh semua staf dengan memastikan penglibatan setiap staf sekurang-kurangnya dalam satu projek atau inisiatif kualiti setiap tahun.
- Mencapai penggunaan 100% ICT dalam pengurusan kewangan Universiti.

2.5 Struktur Organisasi PBUiTM

Struktur PBUiTM telah melalui proses penambahbaikan dan telah diluluskan oleh pengurusan PBUiTM. Struktur organisasi PBUiTM boleh dirujuk di portal rasmi di <https://myfinancial.uitm.edu.my/new/>. Struktur pengurusan PBUiTM mengandungi 2 Aras iaitu:-

(a) Aras Pengurusan Tertinggi

- Bendahari
- Ketua Fungsi Utama

(b) Aras Pengurusan Kanan

- Bendahari
- Ketua Fungsi Utama
- Ketua Kumpulan Zon
- Ketua Unit Kewangan Zon
- Ketua PBUiTM Cawangan/ Negeri/ Satelit

2.6 Fungsi PBUiTM

Dua belas (12) Fungsi Utama PBUiTM adalah seperti berikut:-

1. Pengurusan Perancangan Dan Belanjawan
2. Pengurusan Gaji Dan Kewangan Staf
3. Pengurusan Akaun Dan Sistem Kewangan
4. Pengurusan Perolehan
5. Pengurusan Harta Benda
6. Pengurusan Akaun Amanah, Penyelidikan Dan Perundingan
7. Pengurusan Kewangan Pembangunan Dan Penyelenggaraan
8. Pengurusan Kewangan Pelajar



9. Pengurusan Kewangan Korporat
10. Pengurusan Kewangan Zon
11. Pengurusan Kewangan Cawangan
12. Pengurusan Dasar, Pentadbiran dan Kualiti

3.0 ISTILAH DAN DEFINISI

Bagi tujuan dokumen ini, terma dan definisi yang diberikan dalam ISO 9000: 2015 serta istilah dan definisi yang digunapakai oleh PBUiTM seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2 adalah terpakai.

4.0 KONTEKS ORGANISASI

4.1 Memahami Organisasi dan Konteksnya

PBUiTM mengenalpasti isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan matlamat dan halatuju strategik serta yang memberi kesan terhadap keupayaan untuk mencapai hasil yang dikehendaki dari sistem pengurusan kualiti. Isu boleh merangkumi isu positif atau negatif yang timbul dari aspek seperti pengurusan kewangan, ekonomi, perundangan, teknologi dan sosial.

PBUiTM memantau dan mengkaji semula maklumat yang berkaitan dengan isu luaran dan dalaman ini semasa mesyuarat yang melibatkan pengurusan atasan dan ketua-ketua unit dan juga melalui pelan strategik.

4.2 Memahami Keperluan dan Jangkaan Pihak yang Berkepentingan

Disebabkan oleh kesannya dan kesan berpotensi kepada keupayaan PBUiTM untuk menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan kehendak berkanun dan peraturan yang digunapakai secara konsisten, PBUiTM hendaklah menentukan:

- a) Pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dengan SPK.
- b) Keperluan pihak yang berkepentingan yang relevan terhadap sistem pengurusan kualiti.

Pihak berkepentingan dan keperluan/ jangkaan mereka (seperti di Lampiran 3) dikenalpasti melalui pelbagai cara termasuklah kajiselidik, aduan, maklumbalas, pekeliling, dan garis panduan.

PBUiTM memantau dan mengkaji semula maklumat mengenai pihak berkepentingan ini dan keperluan mereka yang berkaitan semasa mesyuarat yang melibatkan pengurusan atasan dan ketua-ketua unit.



4.3 Skop Sistem Pengurusan Kualiti

Skop pelaksanaan SPK PBUiTM adalah Pengurusan Kewangan Universiti oleh Pejabat Bendahari Universiti Teknologi MARA.

Dalam menentukan skop ini, PBUiTM telah mempertimbangkan:

- a) Isu luaran dan dalaman yang dirujuk dalam 4.1;
- b) Keperluan pihak berkepentingan yang berkaitan yang dirujuk dalam 4.2;
- c) Skop penyampaian perkhidmatan PBUiTM

Batasan Aplikasi Pelaksanaan ISO 9001:2015 dan Justifikasi

PBUiTM melaksanakan SPK ISO 9001:2015 bagi mencapai dasar dan objektif kualiti PBUiTM. Walau bagaimanapun, pematuhan kepada keperluan-keperluan ISO 9001:2015 yang beriku tidak boleh dituntut:

- a) **Perenggan 7.1.5.2: Kawalan Peralatan Bagi Pemantauan Dan Pengukuran** tidak digunakan kerana pengukuran perkhidmatan PBUiTM tidak menggunakan peralatan yang memerlukan kalibrasi dan verifikasi.
- b) **Perenggan 8.3: Reka Bentuk dan Pembangunan Produk** tidak digunakan oleh PBUiTM kerana penyampaian perkhidmatan kewangan tidak melibatkan proses merekabentuk dan membangunkan produk. PBUiTM hanya terlibat dalam aspek perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui Peraturan, Undang-Undang, Akta, Arahan dan Pekeliling berkaitan.
- c) **Perenggan 8.5.1(f): Kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan; validasi dan validasi semula secara berkala, keupayaan untuk mencapai keputusan yang dirancang daripada proses untuk pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan, di mana output yang dihasilkan tidak boleh disahkan oleh pemantauan atau pengukuran berikutnya.** Perenggan ini tidak digunakan kerana output penyampaian perkhidmatan diukur melalui pencapaian Piagam Pelanggan dan Objektif Kualiti.
- d) **Perenggan 8.5.1(h): Pelaksanaan pelepasan, penghantaran dan aktiviti selepas penghantaran** tidak digunakan kerana PBUiTM tidak menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan selepas perkhidmatan disampaikan.
- e) **Perenggan 8.5.5: Aktiviti Selepas Penghantaran** tidak digunakan kerana PBUiTM tidak menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan selepas perkhidmatan disampaikan.

Aktiviti Teras Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi



PBUiTM telah mengambil kira dasar dan perkara-perkara berkaitan yang telah digariskan oleh kerajaan dalam menggariskan teras dasar, matlamat dan strategi penyediaan perkhidmatan pendidikan tinggi, selain perkara-perkara yang terdapat dalam falsafah, visi, misi dan objektif PBUiTM. Terdapat sembilan (9) aktiviti teras pengurusan kewangan UiTM atau keutamaan operasi PBUiTM adalah seperti berikut:

1. Belanjawan
2. Perolehan Bekalan & perkhidmatan
3. Bayaran
4. Harta Benda
5. Akaun & Sistem
6. Penerimaan (Hasil)
7. Kewangan Staf
8. Pendahuluan & Pelarasan
9. Pentadbiran, Dasar & Kualiti

4.4 Sistem Pengurusan Kualiti dan Proses-prosesnya

4.4.1 Keperluan Am

Pengurusan PBUiTM telah mewujudkan, melaksana, menyelenggara dan menambahbaik SPK secara berterusan, termasuk proses yang diperlukan dan hubung kait di antara proses tersebut selaras dengan keperluan piawaian ISO 9001:2015.

Pengurusan PBUiTM juga telah menentukan proses-proses yang perlu ada dalam SPK serta pelaksanaannya secara menyeluruh di PBUiTM, dan telah:

- a) Menentukan input yang perlu dan output yang dijangka dari proses ini.
- b) Menentukan turutan dan hubung kait dengan proses-proses yang terlibat.
- c) Menentu dan menggunakan kriteria serta kaedah (termasuk pemantauan, pengukuran dan indikator prestasi yang berkaitan) yang perlu untuk memastikan keberkesanan operasi dan kawalan proses ini.
- d) Mengenalpasti sumber yang diperlukan dan memastikan sumber yang diperlukan ada digunakan.
- e) Membahagikan tanggungjawab dan kuasa untuk tujuan tersebut di atas.
- f) Menangani risiko dan peluang mengikut keperluan sub-klausu 6.1.



- g) Menilai proses dan melaksanakan sebarang perubahan yang diperlukan untuk memastikan proses mencapai matlamat.
- h) Menambahbaik proses dan SPK.

Semua proses ini diuruskan oleh Pengurusan PBUiTM dengan mematuhi keperluan ISO 9001:2015. Jika sumber dan perkhidmatan luar diperlukan, Pengurusan PBUiTM akan memastikan semua kehendak dan keperluan piawaian yang ditetapkan oleh ISO 9001:2015 dipatuhi dan terkawal. Jenis dan tahap kawalan yang diaplikasikan ke atas proses sumber dan perkhidmatan luar akan dinyatakan dalam sistem pengurusan kualiti.

Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, terdapat beberapa proses/ perkhidmatan pengurusan kewangan Universiti yang dilaksanakan oleh pihak ketiga (*outsourced projects*), bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Proses/ perkhidmatan berkenaan adalah seperti berikut:

1. Penerimaan Bayaran Pelajar
2. Penerimaan Bayaran Melalui Kad Kredit
3. Penerimaan Bayaran Permohonan Kemasukan Pelajar Secara *Online*
4. Pembayaran Melalui IBG
5. *Autopay* – Gaji dan Pelajar
6. Kawalan Keselamatan ICT dan Pengukuran Tahap Keselamatan Bagi Server dan Aplikasi di PBUiTM
7. Pengangkutan Barang Lupus
8. FinEProcurement Plus

Proses-Proses Utama (Fungsi Utama)

Di samping itu sebanyak 12 proses utama dikenal pasti untuk pengoperasian SPK PBUiTM. Jadual berikut menyenaraikan proses-proses utama pengurusan kewangan UiTM dan pihak yang bertanggungjawab.



Bil	Proses Utama	Pegawai Bertanggungjawab/ Pemegang Proses
1.	Pengurusan Perancangan Dan Belanjawan	Mazlan Hashim
2.	Pengurusan Gaji Dan Kewangan Staf	Nor Hanizan Khalid
3.	Pengurusan Akaun Dan Sistem	Junita Jamaludin
4.	Pengurusan Perolehan	Azmahton Seroji
5.	Pengurusan Harta Benda	Mohamad Rahimi Abd Aziz
6.	Pengurusan Akaun Amanah, Penyelidikan Dan Perundingan	Wan Salina Wan Sulaiman
7.	Pengurusan Kewangan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	Amirul Hafiz Bakri
8.	Pengurusan Kewangan Pelajar	Habsah Ibrahim
9.	Pengurusan Kewangan Korporat	Wan Hasmadi Wan Mohammed
10.	Pengurusan Kewangan Zon	Ketua UKZ
11.	Pengurusan Kewangan Cawangan	Ketua PBUiTMN
12.	Pengurusan Dasar, Pentadbiran & Kualiti	Poazi Rosdi

4.4.2 Pada tahap tertentu, PBUiTM mestilah:

- a) Menyimpan maklumat yang didokumenkan (dokumen rujukan) untuk menyokong operasi proses-prosesnya;
- b) Mengekalkan maklumat yang didokumenkan bagi menunjukkan keyakinan bahawa proses dijalankan sebagaimana yang telah dirancang.

Dokumen Rujukan SPK ISO 9001:2015 PBUiTM

Manual Kualiti

Manual Kualiti adalah dokumen utama yang menjelaskan dasar dan perancangan bagi Pengurusan Kewangan UiTM. Manual ini merupakan sumber rujukan utama bagi SPK ISO 9001:2015 PBUiTM.



Manual ini disokong oleh dokumen-dokumen kualiti berikut:

- **Prosedur Kualiti**

Prosedur Kualiti adalah dokumen yang menyatakan segala proses pengurusan dan operasi PBUiTM. Pengurusan PBUiTM hendaklah bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan prosedur ini secara konsisten dan mengikut piawaian ISO 9001:2015.

Sehubungan itu, PBUiTM mewujudkan 8 Prosedur Pengurusan iaitu:-

Empat (4) Prosedur Pengurusan (Wajib)

1. Kawalan Dokumen
2. Kawalan Rekod
3. Audit Dalam
4. Pengurusan Risiko

Empat (4) Prosedur Pengurusan (Sokongan)

1. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)
2. Pengurusan Latihan
3. Pengendalian Aduan Dan Maklumbalas Pelanggan
4. Analisis Data

- **Prosedur Operasi**

Sebanyak 37 Prosedur Operasi disediakan untuk memantapkan lagi pelaksanaan SPK PBUiTM.

- **Arahan Kerja**

Arahan Kerja adalah dokumen yang menjelaskan proses kualiti khusus secara terperinci dan diwujudkan mengikut keperluan aktiviti yang menyokong sesuatu Prosedur Kualiti, jika perlu.

- **Daftar Pengurusan Risiko**

Prosedur Kualiti disokong oleh satu (1) Daftar Pengurusan Risiko.



- Dokumen Sokongan Dan Luaran

Dokumen sokongan adalah dokumen yang dijadikan bahan rujukan bagi pelaksanaan sesuatu proses. Ia mestilah disimpan dan diselenggarakan oleh Pengurusan PBUiTM sebagai rujukan dan sokongan kepada SPK.

Dokumen Sokongan luaran antara lain meliputi:

1. Dokumen Sokongan Statut

- Akta Institut Teknologi MARA, (Pindaan) 2000 - Akta 173
- Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 - Akta 174
- Perlembagaan UiTM, (Pindaan) 2000
- Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61)
- Akta 605 Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj 2000)
- Akta Rahsia Rasmi
- Akta Arkib Negara
- Akta Badan-badan Berkanun (Akta 240)
- Arahan Perbendaharaan
- Arahan Perkhidmatan

2. Dokumen Sokongan Dalaman

- Pekeliling / Surat Pekeliling Perbendaharaan
- Pekeliling Naib Canselor
- Pekeliling Perkhidmatan
- Peraturan Akademik
- Prospektus UiTM
- Buku Panduan Staf
- Buku Panduan Syarat Kemasukan Program Akademik UiTM



5.0 KEPIMPINAN

5.1 Kepimpinan dan Komitmen

5.1.1 Umum

Pengurusan PBUiTM sentiasa komited kepada pembangunan dan pelaksanaan SPK ISO 9001:2015, serta sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik sistem bagi menjamin keberkesanannya dengan:

- a) Mengambil akauntabiliti terhadap keberkesanan pelaksanaan SPK.
- b) Memastikan bahawa dasar kualiti dan objektif kualiti dibangunkan bagi SPK dan sesuai dengan konteks dan hala tuju strategik PBUiTM.
- c) Memastikan integrasi antara proses dan elemen dalam SPK dengan pelan perancangan strategik.
- d) Menggalakkan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko.
- e) Memastikan sumber dan maklumat yang perlu adalah mencukupi dan boleh didapati.
- f) Menyampaikan kepentingan pengurusan SPK yang berkesan dan pematuhan kepada keperluan SPK.
- g) Melaksana SPK bagi memastikan Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan dipenuhi.
- h) Melibat, mengarah dan menyokong pelaksanaan SPK bagi memastikan keberkesanan SPK.
- i) Mewujudkan kecemerlangan operasi melalui penambahbaikan proses.
- j) Menyokong peranan pengurusan lain yang berkaitan untuk menunjukkan kepimpinan dan tanggungjawab terhadap bidang tanggungjawab mereka.
- k) Melantik Wakil Pengurusan dan diberi tanggungjawab dan kuasa berikut:
 - Memastikan SPK memenuhi keperluan Standard Antarabangsa ini.
 - Memastikan hasil daripada proses mencapai objektif kualiti dan piagam pelanggan.
 - Melapor kepada Pengurusan Atasan PBUiTM mengenai prestasi SPK PBUiTM dan juga peluang penambahbaikan.
 - Menggalakkan fokus kepada pelanggan dengan staf diberi kesedaran mengenai keperluan pelanggan bagi penambahbaikan berterusan SPK PBUiTM; dan
 - Memastikan integriti SPK dikekalkan apabila perubahan kepada sistem pengurusan kualiti dirancang dan dilaksanakan.



5.1.2 Tumpuan Kepada Pelanggan

Pengurusan Atasan PBUiTM menunjukkan kepimpinan dan komitmen terhadap pelanggan dengan:

- a) mengenalpasti dan memahami dan menepati keperluan pelanggan, perundangan dan peraturan;
- b) memastikan dan menangani risiko dan peluang yang memberi kesan terhadap keakuran produk dan perkhidmatan serta kebolehan untuk meningkatkan kepuasan hati pelanggan;
- c) mengekalkan tumpuan terhadap mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

5.2 Dasar

5.2.1 Membangunkan Dasar Kualiti

Pengurusan Atasan PBUiTM mewujudkan, melaksana dan memastikan Dasar Kualiti adalah sentiasa:

- a) Bersesuaian dengan Objektif Kualiti PBUiTM dan dihayati serta difahami oleh semua staf.
- b) Dikawal dan dikaji semula bagi menjamin kualiti yang berterusan mengikut kesesuaian.
- c) Mengandungi komitmen untuk memenuhi keperluan yang berkaitan.
- d) Mengandungi komitmen Pengurusan PBUiTM untuk penambahbaikan SPK secara berterusan.

DASAR KUALITI PBUiTM

Melaksanakan sistem pengurusan kewangan secara profesional, cekap, berkesan dan bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan program dan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi jabatan yang unggul, berhemah dan profesional.

Kualiti untuk semua, akauntabiliti bersama sebagai teras perkhidmatan bagi memenuhi kepuasan pelanggan.



5.2.2 Penyampaian Dasar Kualiti

Dasar Kualiti ini hendaklah:

- a) Disebarkan, difahami dan dilaksanakan oleh keseluruhan warga PBUiTM dan dikaji semula untuk memastikan kesesuaiannya yang berterusan.
- b) Boleh didapati oleh pihak berkepentingan/ pelanggan dengan mempamerkan di tempat strategik di fakulti, pejabat dan kampus cawangan dan portal rasmi / laman web.

5.3 Peranan Organisasi, Tanggungjawab dan Bidang kuasa

Pengurusan Atasan PBUiTM mengenal pasti dan memaklumkan tanggungjawab dan bidang kuasa masing-masing kepada semua staf PBUiTM melalui carta organisasi serta senarai tugas yang terkini. Staf yang diberi kuasa tertentu telah diberi lantikan dan surat kuasa bagi melaksanakan tugas yang berkenaan.

Pengurusan PBUiTM juga hendaklah menetapkan tanggungjawab dan kuasa kepada Wakil Pengurusan seperti di perenggan 5.1.1.

6.0 PERANCANGAN

6.1 Tindakan yang Diambil Untuk Menangani Risiko dan Peluang

6.1.1 Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, PBUiTM mestilah mempertimbangkan isu luaran dan dalaman (lihat 4.1) dan skop SPK (lihat 4.2) serta menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani untuk:

- a) Memberi jaminan bahawa SPK boleh mencapai hasil yang dikehendaki;
- b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- c) Mencegah, atau mengurangkan, kesan risiko yang tidak diinginkan;
- d) Mencapai penambahbaikan.

Keperluan dan jangkaan pelanggan dan pihak berkepentingan telah dikenalpasti semasa perancangan strategik dilakukan.

6.1.2 PBUiTM telah merancang:

- a) Tindakan untuk menangani risiko dan peluang.
- b) Kaedah untuk melaksanakan tindakan ke dalam proses SPK serta menilai keberkesanan tindakan ini.

Tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang mestilah berpadanan dengan impak yang berpotensi ke atas perkhidmatan.



DOKUMEN RUJUKAN

Bil	Jenis Dokumen
1	Pelan Perancangan Strategik
2	Daftar Pengurusan Risiko

6.2 Objektif Kualiti dan Perancangan Untuk Mencapainya

6.2.1 PBUiTM mewujudkan Objektif Kualiti untuk fungsi, tahap dan proses yang berkaitan yang diperlukan untuk SPK berdasarkan perancangan strategik, dasar kualiti, misi, visi dan objektif universiti.

Objektif kualiti hendaklah:

- a) selaras dengan dasar kualiti;
- b) boleh diukur;
- c) mengambilkira keperluan yang berkaitan;
- d) yang berkaitan dengan pematuhan perkhidmatan dan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan;
- e) boleh dipantau;
- f) boleh disampaikan; dan
- g) boleh dikemaskini di mana sesuai.

PBUiTM hendaklah menyimpan objektif kualiti sebagai maklumat yang didokumenkan.

OBJEKTIF KUALITI PBUiTM

- 1. Semua proses penyampaian perkhidmatan kewangan menepati Piagam Pelanggan yang ditetapkan.**
- 2. Pengurusan perakaunan Universiti dilaksana, dikawal dan direkod mengikut piawaian, prosedur dan peraturan yang ditetapkan.**
- 3. Tahap kepuasan hati pelanggan amat baik dan cemerlang di mana peratusan aduan berasas yang memerlukan tindakan, tidak melebihi 20%.**
- 4. Staf yang melibatkan diri dalam aktiviti penambahbaikan melebihi 80%.**



6.2.2 Objektif Kualiti PBUiTM diperinci dan disebarkan kepada semua pusat tanggungjawab serta disemak dan dikemaskini setiap tahun. Perancangan untuk mencapai objektif kualiti dilakukan dengan menentukan apa yang perlu dilakukan, keperluan sumber, siapa yang bertanggungjawab, bila ianya mesti disiapkan dan bagaimana keputusan akan dinilai.

Objektif Kualiti ini dipantau, disemak dan dianalisis secara berterusan untuk memastikan kesesuaian dan mengenalpasti peluang penambahbaikan ke atas SPK, khususnya semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan .

6.3 Perancangan Perubahan

PBUiTM memastikan perubahan kepada SPK dilakukan dengan terancang dengan mengambilkira:

- a) Tujuan perubahan tersebut dan kesan yang berpotensi;
- b) Integriti SPK kekal kukuh walaupun berlaku perubahan;
- c) Kewujudan sumber untuk menangani perubahan; dan
- d) Agihan dan agihan semula tanggungjawab dan bidang kuasa.

7.0 SOKONGAN

7.1 Sumber

7.1.1 Umum

PBUiTM memastikan peruntukan dan penyediaan sumber yang perlu, ditentu dan disediakan secukupnya bagi melaksana, menyenggara dan menambahbaik SPK PBUiTM secara berterusan dengan mengambilkira:

- a) Keupayaan dan kekangan sumber dalaman sedia ada.
- b) Sumber yang perlu diperolehi dari pembekal luar.

7.1.2 Sumber Manusia

PBUiTM mengenalpasti dan menyediakan staf yang diperlukan untuk keberkesanan sistem pengurusan kualiti, operasi dan kawalan ke atas proses-proses universiti. Semua staf adalah terlatih supaya cekap, mahir, dan berpengalaman bagi menjamin mutu kerja. Semua keperluan sumber manusia dirancang mengikut kaedah yang ditetapkan oleh universiti.



7.1.3 Infrastruktur

PBUiTM menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk melaksanakan proses bagi menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi spesifikasi. Kemudahan infrastruktur termasuk:

- a) Bangunan, ruang kerja dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan;
- b) Peralatan yang meliputi perkakasan dan perisian yang diperlukan untuk menjalankan kerja;
- c) Kemudahan sokongan seperti pengangkutan, komunikasi atau sistem maklumat; dan
- d) Penyenggaraan berkala ke atas perkara (a), (b) dan (c) di atas bagi memastikan ia sentiasa sedia untuk diguna pakai bagi tujuan pengurusan kewangan UiTM untuk kepuasan hati pelanggan.

7.1.4 Persekitaran Kerja

PBUiTM memastikan dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selesa yang mengutamakan budaya kualiti dan etika kerja yang baik. Pengurusan PBUiTM memastikan pengurusan dan penyenggaraan ruang dilaksanakan seperti mana keperluan yang ditetapkan mengikut peraturan am keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Kemudahan persekitaran kerja termasuk:

- a) Sosial (contoh: tiada diskriminasi kepada warga kerja dan memastikan persekitaran kerja yang harmoni, membenarkan interaksi sosial)
- b) Psikologi (contoh: menjalankan aktiviti yang boleh mengurangkan tekanan kerja dan melindungi emosi anggota)
- c) Fizikal (contoh: tempat kerja yang ergonomik, sistem keselamatan dan pencegahan kebakaran, kebersihan ruang)

7.1.5 Pemantauan dan Pengukuran Sumber

7.1.5.1 PBUiTM menentukan dan menyediakan sumber yang diperlukan untuk memastikan sistem pemantauan atau pengukuran yang digunakan dapat menghasilkan maklumat yang sah dan boleh dipercayai. Pemantauan dan penilaian ke atas sistem pemantauan dan pengukuran yang digunakan dibuat agar sentiasa memenuhi keperluan pelanggan, mudah digunakan dan berfungsi setiap masa.



7.1.5.2 Kawalan Peralatan Bagi Pemantauan Dan Pengukuran

Bahagian ini tidak digunakan kerana pengukuran perkhidmatan PBUiTM tidak menggunakan peralatan yang memerlukan kalibrasi dan verifikasi

7.1.6 Pengetahuan Organisasi

Pengetahuan yang perlu untuk operasi proses kerja dan perkhidmatan dikenalpasti dan ditentukan. Pengetahuan ini boleh diperolehi dari sumber dalaman (contoh: daripada pengalaman warga kerja, pengajaran daripada kejayaan atau kegagalan perkhidmatan yang lepas dan aktiviti atau program penambahbaikan) dan sumber luaran (contoh: standard, akta, Undang-undang, garis panduan, persidangan dan kursus luaran).

Pengetahuan ini perlu diselenggara, dikekalkan dan sentiasa ada apabila diperlukan. Sehubungan ini, di mana perlu pengetahuan ini akan didokumenkan (sama ada dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy*) untuk memudahkan pengendaliannya. Setiap staf digalakkan untuk menggunakan pengetahuan ini dan berkongsi pengetahuan yang ada atau yang diperolehi untuk mencapai objektif PBUiTM.

7.2 Kompetensi/Kecekapan

Bagi tujuan peningkatan kompetensi dan kecekapan staf, PBUiTM hendaklah:

- a) Mengenalpasti kompetensi yang diperlukan oleh staf untuk melakukan kerja yang memberi kesan kepada prestasi dan sistem pengurusan kualiti melalui laporan penilaian tahunan, perancangan strategik dan permohonan dari staf sendiri;
- b) Memastikan semua staf memperoleh kelayakan dan kompetensi yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti melalui pendidikan, latihan, atau pengalaman. Semua staf diberi latihan dalam bidang pengkhususan yang diperlukan. Staf yang terlibat dalam pengkhususan akan diberi latihan dan pendedahan yang sesuai dalam usaha meningkatkan kompetensi mereka dengan menghadiri sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun;
- c) Menilai keberkesanan latihan yang diberikan untuk memenuhi keperluan kompetensi; dan
- d) Mengemaskini dan menyimpan rekod latihan, kompetensi dan pengalaman staf yang terlibat.



DOKUMEN RUJUKAN

Bil	Jenis Dokumen
1	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 tahun 2005
2	Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/2010
3	Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Ruj. JPA(I)S.175/4/1-1 Klt .22 (38) bertarikh 29 Februari 2016
4	Pekeliling Naib Canselor Bil. 4/2017
5	Prosedur Pengurusan Latihan (PK.PBUiTM.(P).06)

7.3 Kesedaran

PBUiTM memastikan staf mempunyai kesedaran yang tinggi dan menghayati:

- Dasar Kualiti;
- Objektif Kualiti;
- Sumbangan mereka terhadap SPK dan faedah daripadanya; dan
- Implikasi apabila tidak mematuhi keperluan SPK.

7.4 Komunikasi Dalaman

Pengurusan atasan PBUiTM menyediakan kaedah dan proses komunikasi dalaman bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti, melalui:

- Mesyuarat Ketua-ketua PBUiTM (MPKU)
- Mesyuarat Pra-MEU
- Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Universiti
- Sesi Taklimat
- Pekeliling Bendahari
- Notis Papan Kenyataan
- Perbincangan Kumpulan / Bengkel
- Sistem Aduan Pelanggan dan Cadangan
- Messaging System* melalui FAIS



j) Memo/surat

k) E-mel

Saluran komunikasi tersebut akan disokong, disebar dan dikawal oleh Bendahari melalui Bahagian /Unit Kewangan Zon /PBUiTM Kampus.

DOKUMEN RUJUKAN

Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	DS.PBUiTM.07	Fail Pekeliling Bendahari
2	DS.PBUiTM.13	Fail Mesyuarat MPKU
3	PK.PBUiTM.(P).05	Prosedur MKSP

7.5 Maklumat yang Didokumenkan

7.5.1 Umum – Kawalan Dokumen

Dokumen yang diwujudkan dalam SPK akan dikawal. Rekod juga merupakan jenis dokumen yang perlu dikawal selaras dengan keperluan 7.5.3.

Prosedur bagi kawalan dokumen disediakan meliputi perkara-perkara berikut:

- Kelulusan dokumen sebelum diedarkan;
- Mengkaji semula dan mengemas kini di mana perlu serta meluluskannya
- Memastikan perubahan dan status dokumen terkini dikenal pasti;
- Memastikan versi dokumen terkini yang berkaitan boleh dirujuk bila diperlukan;
- Memastikan dokumen dapat dirujuk dan dikenal pasti pada bila-bila masa;
- Memastikan dokumen luaran yang ditentukan keperluannya oleh Pengurusan UiTM bagi perancangan dan operasi sistem pengurusan kualiti harus dikenal pasti dan pengedarannya dikawal; dan
- Menghalang daripada dokumen usang digunakan dan dokumen ini ditandakan “BATAL” sekiranya disimpan untuk sebarang tujuan.



7.5.2 Membuat dan Mengemaskini

Apabila mewujudkan dan mengemaskini maklumat didokumenkan, PBUiTM mestilah memastikan kesesuaian:

- a) Pengenalan dan keterangan (contohnya tajuk, tarikh, penyedia dan pelulus);
- b) Format (contohnya bahasa, versi perisian, grafik) dan media (contohnya kertas, elektronik);
- c) Mengkaji semula dan kelulusan untuk kesesuaian dan kecukupan.

Semua dokumen terkawal mempunyai pengenalan seperti tajuk, tarikh dan nombor rujukan serta disemak dan diluluskan sebelum dikeluarkan/digunapakai.

7.5.3 Kawalan Terhadap Maklumat Yang Didokumenkan

7.5.3.1 Maklumat yang didokumenkan diperlukan oleh SPK dan Standard Antarabangsa ini hendaklah dikawal untuk memastikan:

- a) sentiasa ada dan sesuai untuk digunakan, di mana dan bila ianya diperlukan;
- b) dilindungi secukupnya (contohnya daripada kehilangan kerahsiaan, digunakan secara tidak sesuai, atau kehilangan integriti);

7.5.3.2 Dalam mengawal maklumat yang didokumenkan, PBUiTM hendaklah memastikan:

- a) pengedaran, akses, mendapatkan semula dan penggunaan;
- b) penyimpanan dan pemeliharaan, termasuk pemeliharaan untuk sentiasa boleh dibaca mengikut Sistem Fail UiTM/ PBUiTM;
- c) kawalan ke atas perubahan (contoh: kawalan versi); dan
- d) penyimpanan dan pelupusan.

Maklumat didokumenkan yang berasal daripada luaran (contohnya Akta, Pekeliling, Arahan Perbendaharaan, Surat Hebahan dan Garis Panduan) mestilah dikenalpasti dengan sewajarnya, dan dikawal.

Maklumat didokumenkan yang dikekalkan sebagai bukti keakuran seperti rekod, surat dan fail mestilah dilindungi daripada pengubahsuaian yang tidak diingini.

PBUiTM menyediakan dan menyelenggara Prosedur Kawalan Rekod. Satu senarai induk Rekod disediakan untuk mempermudah pengesanan, dan penyelenggaraan rekod kualiti. Satu sistem kod rujukan akan ditentukan menurut kategori Rekod.

Semua Rekod disimpan dengan selamat supaya mudah dikenal pasti dan dirujuk. Jika disimpan secara elektronik, satu sistem sokongan (*back-up*) bagi storan rekod berkenaan akan diadakan.




Pengurusan Atasan PBUiTM akan mengambil tindakan mencegah kehilangan data dengan mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko yang bersesuaian.

Rekod kewangan hendaklah disimpan secara sistematik untuk rujukan semula sebelum dilupuskan menurut kaedah yang ditetapkan oleh Pengurusan PBUiTM/ UiTM.

DOKUMEN RUJUKAN

Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.PPK.(P).01	Prosedur Kawalan Dokumen
2	PK.PBUiTM.PPK.(P).02	Prosedur Kawalan Rekod

PBUiTM mendokumenkan SPK Pengurusan Kewangan UiTM bagi memastikan semua kehendak pelanggan dikenal pasti, difahami dan dipenuhi, berpandukan kepada Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti yang ditetapkan dalam Seksyen 5.2 dan 6.2 Manual Kualiti ini. Struktur Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti PBUiTM seperti di Rajah 7.5.



Rajah 7.5: Struktur Dokumentasi ISO 9001:2015 Pejabat Bendahari Universiti Teknologi MARA

8.0 OPERASI

8.1 Perancangan Operasi dan Kawalan

PBUiTM merancang dan mewujudkan proses-proses yang didokumenkan bagi memastikan keperluan-keperluan pelanggan sentiasa dipenuhi secara konsisten.

Bagi menzahirkan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan, Pengurusan PBUiTM telah menentukan pendekatan proses bagi pengurusan kewangan UiTM seperti berikut:


- Objektif dan keperluan kualiti bagi membangunkan perkhidmatan yang mencerminkan kualiti perkhidmatan PBUiTM;
- Menentukan kriteria bagi proses yang terlibat, dokumen kualiti serta penyediaan maklumat;
- Menentukan sumber-sumber proses dan kawalan untuk memenuhi keperluan pengurusan kewangan UiTM;



- d. Menentukan aktiviti pemantauan, pemeriksaan, pengukuran dan pengujian serta kriteria bagi menentukan perkhidmatan memenuhi keperluan yang ditetapkan; dan
- e. Menentukan, menyelenggara dan menyimpan maklumat yang didokumenkan yang diperlukan sebagai bukti pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 PBUiTM dalam memenuhi keperluan pelanggan.

Hasil daripada perancangan ini mestilah menepati kehendak penyampaian pekhidmatan kewangan PBUiTM dan sesuai dengan proses berkaitan. PBUiTM hendaklah berupaya mengawal sebarang perubahan kepada proses dan hasilnya, termasuk hasil yang tidak diingini.

Proses yang terlibat di dalam penzahiran perkhidmatan ditunjukkan secara ringkas melalui Pelan Pengurusan Kualiti PBUiTM seperti di Rajah 8.1:



Rajah 8.1: Pelan Pengurusan Kualiti PBUiTM

8.2 Keperluan Untuk Produk dan Perkhidmatan

8.2.1 Komunikasi dengan Pelanggan

PBUiTM akan menentu dan melaksanakan kaedah komunikasi yang terancang dan berkesan dengan pelanggan mengenai:



- a) Maklumat berkaitan dengan produk/ perkhidmatan;
- b) Pertanyaan pengendalian kontrak dan tempahan termasuk pindaan kepada kehendak asal;
- c) Maklum balas dan aduan pelanggan;
- d) Pengendalian atau pengawalan harta pelanggan; dan
- e) Mewujudkan keperluan tertentu untuk tindakan luar jangka bila perlu.

Antara kaedah yang digunakan ialah:

- Buku Panduan, helaian program, risalah dan poster
- Taklimat
- Hari Bertemu Pelanggan
- Surat menyurat, e-mel atau memo jabatan
- Borang maklum balas, borang aduan atau cadangan pelanggan
- Laman web
- Kaunter perkhidmatan
- Papan Kenyataan

8.2.2 Menentukan Keperluan yang Berkaitan dengan Perkhidmatan

Apabila menentukan keperluan untuk perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan, PBUiTM hendaklah memastikan bahawa:

- a) Keperluan undang-undang dan peraturan yang bersesuaian dengan perkhidmatan;
- b) Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi diketahui perlu; dan
- c) Keperluan-keperluan tambahan yang ditentukan dan dianggap penting oleh PBUiTM.

PBUiTM juga memastikan semua keperluan boleh dipenuhi dengan keupayaan sedia ada.

8.2.3 Semakan Keperluan yang Berkaitan dengan Perkhidmatan

PBUiTM menyemak semula keperluan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan untuk memastikan ia mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan. Semakan ini dilakukan sebelum PBUiTM membuat komitmen untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan, termasuk:



- a) Keperluan perkhidmatan dikenal pasti.
- b) Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan, tetapi sesuai untuk penggunaan yang diinginkan.
- c) Keperluan yang ditentukan oleh PBUiTM.
- d) Keperluan perundangan dan peraturan yang berlaku kepada perkhidmatan.
- e) Kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang terdahulu dinyatakan. Pengurusan PBUiTM berupaya untuk memenuhi keperluan-keperluan yang dinyatakan.

Sebarang perubahan kepada keperluan yang telah dinyatakan, diambil tindakan pembetulan dan diatasi. Keputusan semakan semula dan tindakan-tindakan seterusnya akan direkodkan (lihat 7.5.3).

Keperluan perkhidmatan yang dinyatakan oleh pelanggan secara lisan hendaklah disahkan sebelum PBUiTM bersetuju untuk memenuhi keperluan tersebut.

8.2.4 Perubahan Kepada Keperluan Untuk Perkhidmatan

Jika berlaku sebarang perubahan kepada keperluan pelanggan, PBUiTM akan memastikan semua dokumen yang berkaitan dipinda sewajarnya dan semua staf yang terlibat dimaklumkan tentang perubahan-perubahan yang telah dibuat.

8.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Produk/Perkhidmatan

Bahagian ini tidak digunakan oleh PBUiTM kerana penyampaian perkhidmatan kewangan tidak melibatkan proses merekabentuk dan membangunkan produk. PBUiTM hanya terlibat dalam aspek perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui Peraturan, Undang-Undang, Akta, Arahan dan Pekeliling berkaitan.

8.4 Kawalan Terhadap Proses, Produk dan Perkhidmatan Yang Dibekalkan Dari Luar

8.4.1 Umum

PBUiTM memastikan bahan yang diperoleh memenuhi keperluan perolehan yang ditetapkan. Pengurusan PBUiTM bertanggungjawab mewujudkan dan menyelenggarakan struktur kawalan bagi memastikan perolehan bahan bekalan dan perkhidmatan memenuhi kehendak PBUiTM, dalam keadaan berikut:

- a) Bekalan dan perkhidmatan dari pembekal luar digunakan untuk memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan PBUiTM.



- b) Bekalan dan perkhidmatan yang dibekalkan daripada pihak luar disampaikan terus kepada pelanggan.
- c) Bekalan dan perkhidmatan yang dibekalkan daripada pembekal luar sama ada sebahagian atau sepenuhnya, sebagai contoh *outsourced projects*, merupakan keputusan pengurusan PBUiTM.

PBUiTM menilai dan memilih pembekal luar untuk bekalan barang-barang dan perkhidmatan yang diperlukan. Penilaian ini akan dibuat berasaskan pengalaman, rekod prestasi dan keupayaan pembekal dalam memberi perkhidmatan yang sama. PBUiTM hendaklah menyimpan dan menyelenggara maklumat yang didokumenkan bagi aktiviti-aktiviti ini dan apa-apa tindakan yang timbul daripada penilaian.

8.4.2 Jenis dan Tahap Kawalan

Perkhidmatan yang diberikan oleh semua pembekal luar UiTM sentiasa diawasi oleh Pengurusan Atasan PBUiTM bagi memastikan mereka memberi perkhidmatan yang memenuhi kehendak UiTM secara berterusan dengan berkesan. Jenis dan tahap kawalan ke atas pembekal dan bahan yang diperolehi bergantung kepada kesan perolehan bahan tersebut ke atas perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan.

PBUiTM hendaklah:

- a) Memastikan bekalan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pembekal luar dikawal melalui SPK PBUiTM.
- b) Menentukan kawalan ke atas pembekal luar dan bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan untuk penyampaian perkhidmatan PBUiTM.
- c) Mengambil kira:
 - 1) Kesan proses, produk dan perkhidmatan yang dibekalkan dari luar ke atas keupayaan PBUiTM untuk menyampaikan perkhidmatan yang menepati kehendak pelanggan.
 - 2) Keberkesanan kawalan yang dilaksanakan oleh pembekal luar.
- d) Menentukan proses penilaian ke atas prestasi pembekal supaya sentiasa mematuhi Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang digunapakai oleh Universiti, serta memenuhi keperluan SPK PBUiTM.



8.4.3 Maklumat untuk Pembekal Luar

Maklumat mengenai perolehan akan menjelaskan bahan yang hendak diperoleh dari pembekal luar termasuk perkara berikut di mana sesuai:

- a) Keperluan untuk proses-proses, produk dan perkhidmatan yang akan disediakan;
- b) Keperluan untuk meluluskan produk dan perkhidmatan; kaedah, proses dan peralatan; serta pelepasan produk dan perkhidmatan;
- c) Kecekapan dan kelayakan staf yang terlibat;
- d) Interaksi pembekal luar dengan PBUiTM;
- e) Kawalan dan pemantauan prestasi pembekal luar yang digunakan oleh PBUiTM;
- f) Pengesahan oleh PBUiTM atau pelanggan, yang dilaksanakan di premis pembekal.

PBUiTM memastikan maklumat yang lengkap mengenai keperluan perolehan disediakan terlebih dahulu sebelum perolehan dibuat.

Dokumen perolehan bekalan barang-barang yang digunakan mengandungi semua maklumat yang ditetapkan termasuk:

- a) Tatacara mendapatkan kelulusan perolehan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.
- b) Dokumen tawaran yang menerangkan aspek-aspek yang memenuhi keperluan SPK.
- c) Harga yang ditawarkan.

Semua butiran dalam dokumen tawaran akan disemak dan diluluskan oleh Pengurusan PBUiTM sebelum diedarkan kepada pembekal.

8.5 Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan

8.5.1 Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan

Pengurusan PBUiTM bertanggungjawab mewujudkan dan menyelenggarakan prosedur untuk mengawal semua proses Pengurusan Kewangan Universiti.

PBUiTM mestilah merancang dan melaksanakan proses penyediaan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan secara terkawal dengan memastikan, di mana berkaitan, perkara-perkara berikut:

- a) Terdapatnya maklumat yang menerangkan dengan jelas ciri-ciri produk yang akan dihasilkan, perkhidmatan yang akan disediakan, atau aktiviti yang hendak dilaksanakan serta keputusan/hasil yang perlu dicapai;
- b) Ketersediaan dan penggunaan sumber pemantauan dan pengukuran yang bersesuaian;



- c) Pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada peringkat yang sesuai bagi mengesahkan kriteria untuk mengawal proses atau output, dan kriteria penerimaan produk dan perkhidmatan, telah dipenuhi;
- d) Penggunaan infrastruktur yang sesuai dan persekitaran bagi operasi proses-proses;
- e) Pelantikan orang yang cekap, termasuk apa-apa kelayakan yang diperlukan;
- f) Validasi dan validasi semula secara berkala, keupayaan untuk mencapai keputusan yang dirancang daripada proses-proses untuk penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan, dimana output yang dihasilkan tidak boleh disahkan oleh pemantauan atau pengukuran seterusnya.

Perenggan 8.5.1 (f) tidak digunakan oleh PBUiTM kerana penyampaian perkhidmatan kewangan tidak melibatkan proses merekabentuk dan membangunkan produk. PBUiTM hanya terlibat dalam aspek perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui Peraturan, Undang-Undang, Akta, Arahan dan Pekeliling berkaitan.

- g) Pelaksanaan tindakan untuk mencegah kesilapan manusia;
- h) Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pelepasan, penghantaran, dan aktiviti selepas penghantaran.

Perenggan 8.5.1 (h) tidak digunakan kerana PBUiTM tidak menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada pelanggan selepas perkhidmatan disampaikan.

8.5.2 Identifikasi dan Kemudahkesanan

Pengurusan PBUiTM mengenalpasti semua perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan termasuk, mengenalpasti status pemantauan dan penilaian sepanjang tempoh pemberian perkhidmatan dilaksanakan.

Sekiranya perlu, identifikasi yang bersesuaian akan digunakan bagi tujuan kemudahkesanan perkhidmatan atau apa-apa rekod berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan. PBUiTM juga telah mewujudkan sistem penyimpanan rekod-rekod yang sistematik memudahkan pengesanan semula rekod tersebut.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).02	Prosedur Kawalan Rekod



8.5.3 Harta Hak Milik Pelanggan atau Pembekal Luar

PBUiTM bertanggungjawab untuk menjaga harta hak milik pelanggan atau pembekal luar semasa ianya berada di bawah kawalan PBUiTM. PBUiTM hendaklah berupaya untuk mengenal pasti, memperaku, melindungi dan menjaga dengan baik bagi menjamin keselamatan harta hak milik pelanggan atau pembekal luar. Mana-mana hak milik kepunyaan pelanggan atau pembekal luar yang hilang, rosak atau didapati tidak sesuai untuk kegunaan yang dimaksudkan hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan atau pembekal luar dan rekod berkaitan disenggarakan.

PBUiTM bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan maklumat peribadi pelanggan termasuk yang terdapat dalam FAIS. Kaedah kawalan ke atas capaian maklumat peribadi staf Universiti, maklumat vendor dan maklumat pelajar, telah diwujudkan selaras dengan keperluan ISO 9001:2015.

8.5.4 Pemeliharaan – Pengendalian dan Penyimpanan Dokumen

PBUiTM bertanggungjawab mewujudkan kaedah pengendalian dan penyimpanan dokumen bagi menjamin kualiti Pengurusan Kewangan dan penyampaian perkhidmatan yang berkaitan. Dokumen seperti baucar bayaran, cek, resit penerimaan, Borang Tuntutan Perjalanan, Pesanan Jabatan, Borang Peruntukan PB 3/80 (Pindaan 1/2002) disimpan di tempat yang selamat.

PBUiTM juga bertanggungjawab mewujudkan kaedah pengendalian dokumen untuk mengelakkan berlakunya kerosakan, kecurian atau penyalahgunaan.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).01	Prosedur Kawalan Dokumen
2	PK.PBUiTM.(P).02	Prosedur Kawalan Rekod

8.5.5: Aktiviti Selepas Penghantaran

Bahagian ini tidak digunapakai kerana PBUiTM tidak menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada pelanggan selepas perkhidmatan disampaikan.



8.5.6 Kawalan Perubahan

PBUiTM hendaklah menyemak dan mengawal sebarang perubahan yang dibuat semasa proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan mestilah, terutama yang melibatkan dokumen-dokumen rasmi dan SPK. Kod diwujudkan untuk menunjukkan hasil perubahan tersebut, siapa mengesahkan perubahan tersebut dan apa-apa tindakan yang timbul daripada perubahan tersebut.

8.6 Pelepasan perkhidmatan

Pengurusan PBUiTM menyemak, mengesah atau meluluskan sesuatu perkhidmatan sebelum ianya disampaikan kepada pelanggan. PBUiTM hendaklah menyediakan kaedah untuk memantau dan mengukur ciri-ciri perkhidmatan untuk menentusahkan bahawa keperluan perkhidmatan telah dicapai. Perkara ini hendaklah dilaksanakan pada tahap yang bersesuaian dalam proses penyampaian perkhidmatan selaras dengan perancangan. Bukti kepatuhan terhadap kriteria penerimaan perlu diselenggara.

8.7 Kawalan Ketidapatuhan Output

8.7.1 PBUiTM hendaklah menyediakan prosedur untuk mengawal semua produk yang tidak memenuhi spesifikasi di setiap peringkat proses melalui pengasingan dan pembetulan. Apabila tindakan pembetulan telah dilaksanakan ke atas produk tidak memenuhi keperluan, pengesahan kepatuhan akan dilakukan di setiap peringkat proses. Pelanggan hendaklah dimaklumkan mengenai pembetulan yang telah dilakukan.

Kawalan dan tanggungjawab pihak berkuasa yang berkaitan terhadap produk/ perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan ini hendaklah ditetapkan di dalam prosedur yang didokumenkan.

8.7.2 Rekod-rekod mengenai keadaan ketidakpatuhan dan sebarang tindakan yang diambil selanjutnya termasuk juga kebenaran yang diperoleh bagi penggunaannya hendaklah disenggarakan (lihat 7.5.3) supaya:

7.5.1 Menerangkan ketidakpatuhan;

7.5.2 Menerangkan tindakan yang diambil;

7.5.3 Menerangkan apa-apa konsesi yang diperoleh

7.5.4 Mengenalpasti pihak-pihak berkuasa yang memutuskan tindakan dengan ketidakpatuhan.



Bila sesuatu produk yang tidak memenuhi keperluan ditemui selepas diedarkan atau semasa ianya digunakan, PBUiTM akan mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas kesan yang berlaku daripada penggunaannya atau jangkaan terhadap kesan yang akan berlaku.

DOKUMEN RUJUKAN

Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).04	Pengurusan Risiko

9.0 PENILAIAN PRESTASI

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian

9.1.1 Umum

PBUiTM menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk memantau dan di mana bersesuaian mengukur proses-proses sistem pengurusan kualiti. Kaedah yang digunakan itu hendaklah menunjukkan proses-proses berupaya untuk mencapai hasil yang dirancang. Apabila hasil yang dirancang tidak tercapai tindakan pembedahan dan pencegahan yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan produk memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pemantauan semula akan dijalankan setelah tindakan pembedahan dan penambahbaikan telah dilaksanakan.

PBUiTM merancang, mewujudkan dan melaksanakan proses pemantauan bagi pengukuran, analisis dan penambahbaikan SPK yang perlu untuk:

- a) Menunjukkan proses menepati keperluan yang ditetapkan;
- b) Memastikan kepatuhan sistem pengurusan kualiti; dan
- c) Membuat penambahbaikan berterusan secara berkesan ke atas sistem pengurusan kualiti.

Ini termasuk mengenal pasti kaedah-kaedah dan penggunaan teknik-teknik statistik yang sesuai bagi mengesan kekurangan yang terdapat dalam sistem kualiti dengan tujuan untuk membantu pengurusan PBUiTM melaksanakan penambahbaikan yang berterusan serta peningkatan dalam sistem pengurusan kualiti.



9.1.2 Kepuasan Hati Pelanggan

Pengurusan PBUiTM akan menyediakan kaedah bagi mengukur persepsi pelanggan terhadap Pengurusan Kewangan di UiTM. Pemantauan dan pengukuran kepuasan pelanggan akan dibuat berasaskan Kajiselidik, Aduan, Maklumbalas Pelanggan, Audit Dalam, Kajian Semula Pengurusan.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.PPK.(P).03	Prosedur Audit Dalam
2	PK.PBUiTM.PPK.(P).05	Prosedur Kaji Semula Pengurusan
3	PK.PBUiTM.PPK.(P).06	Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan

9.1.3 Analisis Data dan Penilaian

Pengurusan PBUiTM akan mengenalpasti, mengumpul dan menganalisis data-data yang berkaitan dalam menentukan kesesuaian dan keberkesanan SPK. Ini merangkumi data yang terhasil dari maklumbalas pelanggan yang diperolehi dari masa ke semasa. Data akan dianalisis bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan adalah berkesan ke atas SPK PBUiTM.

Hasil analisis data hendaklah memberi maklumat mengenai:

- a) Pematuhan produk dan perkhidmatan (lihat 8.6);
- b) Tahap kepuasan hati pelanggan (lihat 9.1.2);
- c) Pelaksanaan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- d) Samada perancangan telah dilakukan dengan berkesan;
- e) Keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang;
- f) Prestasi pembekal luar (lihat 8.4); dan
- g) Keperluan bagi penambahbaikan kepada sistem pengurusan kualiti.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.PPK.(P).08	Prosedur Analisis Data



9.2 Audit Dalam

9.2.1 PBUiTM melatih dan melantik Auditor Dalaman untuk menjalankan audit dalam sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi memastikan sistem pengurusan kualiti memenuhi perkara-perkara berikut:

- a) Mematuhi apa yang telah dirancang (lihat 8.1) seperti mana dalam keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti UiTM dan keperluan-keperluan piawaian ISO 9001:2015 dan;
- b) Sedang dilaksana dan disenggarakan secara berkesan.

9.2.2 Program audit dirancang dengan mengambil kira status dan kepentingan proses dan bidang yang akan diaudit selain daripada mengambil kira hasil audit yang lepas. Kriteria-kriteria audit, skop, kekerapan dan kaedah auditan akan ditentukan.

Pemilihan Auditor Dalaman dan auditan yang dijalankan tidak dipengaruhi dan objektif. Auditor Dalaman tidak akan mengaudit kerja sendiri.

Tanggungjawab dan keperluan-keperluan perancangan dan pengendalian audit, pelaporan hasil audit dan penyimpanan rekod-rekod (lihat 7.5) telah ditentukan dan didokumen dalam prosedur audit dalam. UiTM kini menggunakan sistem maklumat yang dinamakan SePADU (Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM) untuk merekodkan hasil audit dan penyimpanan rekod-rekod berkaitan Audit Dalam.

Pengurusan yang bertanggungjawab ke atas bidang yang diaudit akan mengambil tindakan dengan segera bagi ketidakpatuhan yang ditemui dan punca ketidakpatuhan. Tindakan susulan termasuk membuat verifikasi ke atas tindakan yang telah diambil dan dilaporkan hasilnya kepada pihak pengurusan UiTM (lihat 10.2).

DOKUMEN RUJUKAN

Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).03	Prosedur Audit Dalam

9.3 Kaji Semula Pengurusan

9.3.1 Umum

Pengurusan Atasan PBUiTM akan mengkaji semula SPK PBUiTM secara berkala melalui MKSP bagi memastikan kesesuaian berterusan, kecukupan, keberkesanan dan sejajar dengan hala tuju strategik PBUiTM. Keanggotaan MKSP adalah seperti berikut:



- Pengerusi : Bendahari
- Setiausaha : WP / TWP
- Ahli :
 - Ketua Fungsi Utama
 - Ketua UKZ
 - Ketua PBUiTM Cawangan
 - Pegawai Rekod
 - Pemegang Proses
 - Pegawai Yang Bertanggungjawab (PYB)
- Pencatat Minit : Setiausaha Pasukan Kerja Pensijilan ISO PBUiTM
- Turut Hadir :
 - ✓ Wakil Jabatan Infostruktur
 - ✓ Ketua PBUiTM Negeri/ Satelit

9.3.2 Input Kaji Semula Pengurusan

Kajian semula pengurusan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan mengambilkira:

- a) Status tindakan dari kajian pengurusan yang terdahulu;
- b) Perubahan dalam isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti;
- c) Maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
 - i. Kepuasan Pelanggan dan maklumbalas dari pihak yang berminat dan berkaitan;
 - ii. Pencapaian Objektif Kualiti
 - iii. Prestasi proses dan keakuran produk dan perkhidmatan
 - iv. Ketidapatuhan dan Tindakan Pembetulan
 - v. Keputusan pemantauan dan pengukuran
 - vi. Laporan Penemuan Hasil Audit Dalam
 - vii. Prestasi Pembekal Luar
- d) Kecukupan sumber
- e) Keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang (lihat 6.1)
- f) Peluang untuk penambahbaikan



9.3.3 Output Kaji Semula Pengurusan

Hasil Kaji Semula ini akan meliputi keputusan dan tindakan yang merangkumi perkara berikut:

- a) Peluang penambahbaikan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti UiTM dan keberkesanan proses yang terlibat.
- b) Penambahbaikan produk atau perkhidmatan berkaitan dengan keperluan pelanggan.
- c) Keperluan sumber meliputi aspek perancangan sumber manusia dan pembangunan fizikal.

Semua dokumen Kaji Semula Pengurusan akan direkod, disimpan dan diselenggara oleh WP/TWP untuk memudahkan rujukan.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).04	Prosedur Pengurusan Risiko
2	PK.PBUiTM.(P).05	Prosedur MKSP
3		Daftar Pengurusan Risiko

10.0 PENAMBAHBAIKAN/ PENINGKATAN

10.1 Umum

PBUiTM menentukan dan memilih peluang untuk penambahbaikan dan melaksanakan apa-apa tindakan yang perlu bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan yang meliputi:

- a) Memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan;
- b) Membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini; dan
- c) Meningkatkan prestasi dan keberkesanan SPK.

10.2 Ketidapatuhan dan Tindakan Pembetulan

10.2.1 Apabila ketidapatuhan berlaku, termasuk apa-apa yang timbul daripada aduan, PBUiTM akan menentukan tindakan bagi menghapuskan punca-punca ketidapatuhan yang dijangkakan bagi menghalang ianya daripada berlaku. Tindakan pencegahan akan bersesuaian dan meliputi kesan masalah-masalah yang akan dijangkakan. Panduan Pengurusan Risiko diwujudkan dan meliputi perkara-perkara berikut:



- a) Mengambil tindakan terhadap ketidakpatuhan dengan mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya, juga berurusan dengan akibatnya;
- b) Menilai keperluan untuk mengambil tindakan terhadap punca-punca ketidakpatuhan supaya ianya tidak berulang serta dibuat pemantauan;
- c) Menentukan dan melaksanakan tindakan yang diperlukan;
- d) Mengkaji semula keberkesanan tindakan yang diambil;
- e) Mengemaskini risiko dan peluang yang dikenalpasti semasa perancangan, jika perlu; dan
- f) Membuat perubahan kepada sistem pengurusan kualiti, jika perlu.

10.2.2 Maklumat yang didokumenkan sebagai bukti untuk menunjukkan (lihat 7.5):

- a) Sifat ketidakakuran dan tindakan yang diambil; dan
- b) Hasil dari tindakan pembetulan yang dilaksanakan.

Prosedur tindakan pembetulan akan mengambil tindakan untuk menghapuskan punca-punca ketidakpatuhan supaya ianya tidak berulang lagi. Tindakan pembetulan hendaklah bersesuaian dengan kesan ketidakpatuhan yang berlaku.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).03	Prosedur Audit Dalam
2	PK.PBUiTM.(P).04	Prosedur Pengurusan Risiko
3	PK.PBUiTM.(P).05	Prosedur MKSP



10.3 Penambahbaikan Berterusan

PBUiTM akan terus secara berkesan membuat penambahbaikan yang menyeluruh ke atas sistem pengurusan kualiti melalui penggunaan dasar kualiti, objektif kualiti, hasil audit, analisis data, tindakan pembetulan dan pencegahan dan kajian semula pengurusan dan atau mana-mana inisiatif yang berkaitan.

DOKUMEN RUJUKAN		
Bil	No. Rujukan	Jenis Dokumen
1	PK.PBUiTM.(P).03	Prosedur Audit Dalam
2	PK.PBUiTM.(P).05	Prosedur MKSP
3		Daftar Pengurusan Risiko

-dokumen tamat -

LAMPIRAN 1 – SENARAI DEFINISI

Bil	Istilah	Definisi
1.	Aduan dan Maklum balas Pelanggan (AMP)	Aduan dan maklum balas merangkumi apa jua maklumat yang disampaikan oleh pelanggan atau yang diperolehi mengenai Sistem Pengurusan Kualiti PBUiTM.
2.	Agen	Panel penerbangan yang dilantik oleh UiTM.
3.	Ahli	Pengerusi / Pengerusi Ganti dan Ahli Jawatankuasa yang dilantik.
4.	Al-Bai Bithaman 'Ajl	Jualan dengan harga tangguh atau bayaran ansuran, disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dengan bayaran beransur-ansur sehingga ke satu masa yang ditetapkan.
5.	Amaun pembiayaan	Jumlah yang dibiayai oleh UiTM berdasarkan kepada kelayakan Pegawai.
6.	Anak Syarikat	Anak syarikat UiTM terdiri daripada UiTM Holdings dan syarikat subsidiari.
7.	Analisis Data	Analisis data merangkumi data-data yang terhasil dari Laporan Penemuan Hasil Audit. Dalam, AMP serta data-data lain yang berkenaan bagi memastikan tindakan pembedahan, tindakan pencegahan dan penambahbaikan berterusan adalah berkesan ke atas sistem pengurusan kualiti PBUiTM
8.	Anggaran Belanjawan	Anggaran Belanjawan merupakan cadangan belanjawan yang mengandungi maklumat berhubung dengan anggaran perbelanjaan mengurus yang belum diperakukan oleh KPT dan MOF.
9.	Aset Alih	Harta modal atau Inventori.
10.	Audit Dalam	Pemeriksaan yang dijalankan oleh Pasukan Audit Dalam (PAD) bagi menilai sama ada Pengurusan Kewangan Universiti dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan seperti yang dirancang. Audit Dalam dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
11.	Audit Susulan	Pengauditan semula ke atas kepincangan prosedur / manual Pengurusan Kewangan Universiti yang dikenalpasti semasa pelaksanaan AD yang terdahulu.
12.	Auditee	Semua staf Pejabat Bendahari, UiTM yang menguruskan kewangan Universiti di Pejabat Bendahari UiTM.

Bil	Istilah	Definisi
13.	<i>Auto posting</i>	Post transaksi FAIS ke subsidiari dan lejar am melalui sistem secara automatik.
14.	Award Gantian Cuti Rehat	Bayaran yang dibayar semasa persaraan/ meninggal dunia kepada pekerja yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat atas sebab kepentingan perkhidmatan.
15.	Bahagian Pengurusan Harta Benda	Bahagian Pengurusan Harta Benda di UiTM Shah Alam
16.	Bank	Bank yang dilantik oleh UiTM untuk menguruskan penerimaan hasil pelajar.
17.	Bantuan Kewangan	Bayaran yang diberi oleh penaja bagi tujuan pengajian.
18.	Barang	Harga perolehan asal kurang daripada RM500.00 setiap satu. Perabot, permaidani, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk ditafsir sebagai barang tanpa mengira harga perolehan asal.
19.	Batas Perbelanjaan	Batas perbelanjaan bermaksud satu jumlah peruntukan yang ditetapkan pada awal proses belanjawan sebagai peruntukan Universiti oleh Perbendaharaan Malaysia untuk membiayai DSA Universiti untuk tahun yang berkenaan.
20.	Baucer Bayaran	Dokumen kewangan yang merekodkan transaksi bayaran.
21.	Baucer Jernal	Dokumen mencatatkan maklumat pelarasan pendahuluan staf.
22.	Bekalan	Bekalan adalah dimaksudkan sebagai barangan yang dibekal bagi menjalankan sesuatu aktiviti, program atau projek agensi Kerajaan. Ianya juga merupakan input kepada sesuatu proses kerja. Bekalan yang dimaksudkan adalah seperti bahan binaan, makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat.
23.	Bil	Dokumen yang dikeluarkan oleh PBUiTM untuk menuntut bayaran daripada pelanggan UiTM.
24.	Bil pelajar	Dokumen yang digunakan bagi kenaaan yuran/ denda ke atas pelajar.
25.	Bills of Quantity (BQ)	Senarai Kuantiti adalah senarai bahan yang dihasilkan oleh Juruukur Bahan melalui pengukuran yang dibuat ke atas lukisan yang disediakan oleh perunding Arkitek atau Jurutera Awam. Senarai kuantiti membolehkan kontraktor menghargakan setiap butiran kerja yang terlibat untuk

Bil	Istilah	Definisi
		mendapatkan jumlah harga tawaran kontrak.
26.	Bon Pelaksanaan	<p>a. Suatu aku janji tidak bersyarat (unconditional undertaking) oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada UiTM suatu amaun tertentu atas tuntutan (on demand) sekiranya syarikat/pembekal/kontraktor tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.</p> <p>b. Jenis bon pelaksanaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jaminan Bank / Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank / syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ii. Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 iii. Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 iv. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 v. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SMEBank).
27.	Borang Kebenaran Membawa Keluar Barang-barang /Peralatan UiTM (Pass Gate)	Borang kebenaran membawa keluar barang-barang/peralatan UiTM. Ia mengandungi maklumat berkenaan tarikh, PTJ, penama, jenis kenderaan, nombor pendaftaran kenderaan, tandatangan dan cop rasmi PTJ dan pengesahan oleh pihak yang membawa keluar barang.
28.	Borang Perakuan Penerimaan Barang (Goods Received Note) / Borang Pengesahan Kerja/ Perkhidmatan	Dokumen pengesahan penerimaan bekalan barang / kerja/perkhidmatan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk membuat pengesahan, di PTJ.
29.	Borang permohonan lengkap	Borang permohonan pendahuluan yang telah diperakukan oleh Ketua Bahagian dan dilampirkan surat arahan bertugas/surat kelulusan pembelian serta senarai barang yang mahu dibeli.

Bil	Istilah	Definisi
30.	Borang Permohonan Pelupusan Aset Alih	<p>i. Borang KEW.PA.UiTM-17(1) bagi permohonan pelupusan aset alih yang nilai pembelian asal tidak melebihi RM50,000.00 seunit atau agregatnya tidak melebihi RM500,000.00.</p> <p>ii. Borang KEW.PA.UiTM-17(2) bagi permohonan pelupusan aset alih yang nilai pembelian asal melebihi RM50,000.00 seunit atau agregatnya melebihi RM500,000.00.</p>
31.	Borang Tuntutan Perjalanan	Borang bagi mencatat maklumat itenary staf yang menuntut.
32.	Cek / Surat Arahan Bayaran / EFT / IBG / Deraf Bank / TT	Mod arahan bayaran kepada bank.
33.	Certificate of Practical Completion (CPC)	Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa kepada kontraktor apabila kerja telah siap menurut peruntukan kontrak.
34.	Checker	Pegawai yang menyemak ketepatan dan meluluskan transaksi dalam Sistem IBG-FAIS.
35.	Checker 1 dan Checker 2	Pegawai yang menyemak dan memperakukan ketepatan transaksi dalam sistem eBanker BIMB
36.	<i>Credit Advice</i>	Slip bank menunjukkan wang masuk ke akaun bank.
37.	Custodian	Pegawai yang bertanggungjawab untuk melindungi, menjaga dan menyimpan aset alih dalam keadaan baik.
38.	Daftar Harta	Senarai harta yang mengandungi maklumat-maklumat seperti kod harta, nama harta, tarikh urusniaga, nombor rujukan Lejer Am, kos harta, susutnilai dan nilai bersih harta.
39.	Daftar Kehilangan	Rekod yang mengandungi maklumat kehilangan, pembelian aset alih dan status tindakan.
40.	Daily Cash Receipt	Kutipan kaunter harian yang merekodkan transaksi terimaan tunai di kaunter pada tiap-tiap hari.
41.	Dasar Baru	Dasar Baru bermaksud semua aktiviti baru yang diluluskan oleh Perbendaharaan pada tahun semasa termasuk aktiviti yang merupakan sambungan, tambahan dan peluasan kepada DSA. Aktiviti ini akan bertukar kepada DSA pada tahun berikutnya.
42.	Dasar Sedia Ada	Dasar Sedia Ada (DSA) bermaksud semua aktiviti yang

Bil	Istilah	Definisi
		dilakukan dalam tahun semasa kecuali DB dan OO.
43.	Deposit Tetap / SIA / Unit Amanah	Jenis-jenis pelaburan yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan.
44.	Dokumen Kewangan (Perolehan)	Pesanan Tempatan/Pesanan Kerja/ Perkhidmatan, Inbois/bil, dan Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja / Perkhidmatan.
45.	Dokumen Kewangan (Pendahuluan/ Tuntutan)	<p>Pendahuluan Perjalanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Permohonan Pendahuluan Perjalanan ii. Surat Arahan Bertugas <p>Pendahuluan Pelbagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Permohonan Pendahuluan Perjalanan ii. Senarai pembelian/perbelanjaan iii. Salinan surat kelulusan mengadakan Projek dan bajet yang diluluskan <p>Pelarasan Pendahuluan Perjalanan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Tuntutan Perjalanan ii. Surat Arahan Bertugas iii. Resit Perbelanjaan yang berkaitan tugas rasmi berkenaan iv. Resit pemulangan baki pendahuluan <p>Pelarasan Pendahuluan Pelbagai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat tuntutan pemulangan ii. Resit perbelanjaan mengikut tujuan pendahuluan yang disahkan oleh Ketua PTJ iii. Salinan surat kelulusan mengadakan Projek dan bajet yang diluluskan <p>Tuntutan Perjalanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat tuntutan pemulangan ii. Resit perbelanjaan mengikut tujuan pendahuluan yang disahkan oleh Ketua PTJ iii. Salinan surat kelulusan mengadakan Projek dan bajet yang diluluskan <p>Tuntutan Pelbagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat tuntutan pemulangan ii. Resit perbelanjaan mengikut tujuan pendahuluan yang disahkan oleh Ketua PTJ

Bil	Istilah	Definisi
		iii. Salinan surat kelulusan mengadakan Projek dan bajet yang diluluskan iv. Resit Perbelanjaan yang berkaitan tugas rasmi berkenaan v. Resit pemulangan baki pendahuluan
46.	Dokumen Kewangan (Aliran Tunai)	Surat Arahan, nota bank / bank-in slip.
47.	Dokumen Kewangan (Perakaunan)	Dokumen yang merekodkan transaksi kewangan dan perakaunan seperti baucer bayaran, Jurnal Pelarasan, Jurnal Pembatalan, Jurnal Am dan Jurnal Tunai.
48.	Dokumen Kewangan (bayaran pembekal)	Pesanan Tempatan/Pesanan Kerja/ Perkhidmatan, Inbois/bil, dan Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja / Perkhidmatan.
49.	Dokumen Perjanjian	Akujanji pemohon yang menerima pembiayaan dan bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh UiTM.
50.	Dummy	Laporan bil pelajar yang dijana sebelum pengeluaran bil sebenar bagi memastikan maklumat dan kenaaan yang tepat.
51.	e-Banker	Laman web BIMB yang digunakan untuk membuat bayaran melalui IBG. https://ebanker.bankislam.biz
52.	Elaun lebih masa	Upah yang dibayar kepada kakitangan yang menjalankan kerja lebih masa tertakluk kepada kelulusan yang diberikan.
53.	Elaun Syarahan Sambilan	Upah yang dibayar pada pensyarah sambilan berdasarkan jumlah jam mengajar tertakluk kepada surat tawaran dan lantikan. Kadar bayaran berlandaskan pada kelulusan JKP yang berkuatkuasa.
54.	Electronic Fund Transfer	Pindahan wang secara elektronik melalui akaun bank pembayar ke akaun bank UiTM.
55.	Emolumen	Emolumen meliputi bayaran-bayaran gaji, elaun dan faedah kewangan yang lain kepada kakitangan yang menyandang jawatan tetap.
56.	Entrust Smartcard	Kad pintar yang digunakan untuk mengakses laman web e-Banker.
57.	ePPlus	Sistem Perolehan UiTM secara atas talian merangkumi semua proses perolehan sehingga peringkat bayaran.
58.	Error report	Laporan yang menyenaraikan transaksi-transaksi yang tidak

Bil	Istilah	Definisi
		dapat dipindah catat ke lejar.
59.	Fail Enkripsi	Fail dokumen transaksi yang dimuat naik dari sistem IBG-FAIS ke sistem IBG UiTM-BIMB
60.	Fail Kertas Kerja	Fail yang mengandungi semua kertas kerja asal
61.	Fail Mesyuarat	Fail yang mengandungi dokumen untuk dibentangkan semasa mesyuarat dalam bentuk softcopy dan/atau hardcopy.
62.	FinEPortal	FinEPortal merupakan portal kewangan Pejabat Bendahari UiTM yang mengandungi modul dan aplikasi proses kewangan serta berintegrasi dengan FAIS.
63.	Gaji	Gaji meliputi semua saraan dalam bentuk wang dan ia termasuklah apa-apa bonus atau elaun yang kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan kecuali caj perkhidmatan, bayaran kerja lebih masa, faedah persaraan, faedah pengurangan pekerja atau pemberhentian sementara atau penamatan, elaun perjalanan atau lain-lain saraan atau bayaran seperti mana yang dikecualikan oleh Menteri.
